

# Pakar rujuk

## Ahli akademik perlu kuasai cabang ilmu sains, matematik dan teknologi

>>Oleh Mohamad Fahd Rahmat

am@hmetro.com.my

**J**OHOR BAHRU: Ahli akademik perlu menguasai cabang ilmu sains dan matematik serta teknologi supaya mereka bukan sekadar dijadikan pakar rujukan dalam negara, malah berupaya memberi buah fikiran hingga ke peringkat antarabangsa.

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Prof Dr Abdul Azizi Abdul Samad, berkata usaha menguasai ilmu itu disokong dengan kemudahan dan sumber ke-

wangan disediakan kerajaan khusus bagi merangsang penyelidikan di institusi pengajian tinggi.

“Pelbagai sumber kemudahan dan kewangan disediakan kerajaan untuk penyelidik antaranya geran daripada Kementerian Pengajian Tinggi serta Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (Mosti).

“Di universiti, peruntukan kewangan disediakan bagi penyelidik muda meningkatkan penyelidikan khususnya dalam bidang sains dan teknologi.

“Kemudahan dan sumber kewangan itu perlu digunakan sebaik mungkin untuk menghasilkan kajian yang mampu memberi manfaat

kepada manusia sejagat,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Seminar Kebangsaan Aplikasi Sains dan Matematik 2010 sempena Simposium Kebangsaan Sains Matematik ke-18 di sini, semalam.

Hadir sama Presiden Persatuan Sains Matematik Malaysia (Persama), Prof Dr Mohd Salmi Md Noorani; dan Pengarah Institut Penyelidikan Matematik Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Kamel Ariffin Mohd Atan.

Beliau berkata, usaha bersungguh-sungguh perlu digerakkan supaya kajian yang dihasilkan dapat digunakan termasuk mengambil

pendekatan kreatif bagi merangsang minat golongan muda dalam bidang itu.

“Sebuah negara maju amat bergantung kepada penguasaan dalam sains dan teknologi. Perkara ini memerlukan usaha bersungguh-sungguh menentukan kajian terkini yang dihasilkan mampu bersaing dan memberi manfaat kepada negara hingga ke peringkat antarabangsa.

“Inisiatif ini harus seiring dengan usaha menimbulkan keseronokan dalam mengkaji ilmu sains dan matematik dalam kalangan warga belia untuk membina generasi inovatif dan kreatif,” katanya.